



جابتني أقسام إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengurus
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(60)

Tarikh: 21 Zulhijah 1446H
18 Jun 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	20 Jun 2025 / 23 Zulhijah 1446
Tajuk	Akhlik Muslim Dalam Penggunaan Media Sosial

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"AKHLAK MUSLIM DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL"

20 Jun 2025 / 23 Zulhijah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْ صِنْكُومُ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"AKHLAK MUSLIM DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL"

Firman Allah SWT, ayat 9 surah al-Mujaadalah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَنَجَّيْتُمْ فَلَا تَنْجُوا بِالْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ وَمَعْصِيَتِ الرَّسُولِ
وَتَنْجُوا بِالْإِرْرِ وَالْتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴾

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, apabila kamu berbisik secara rahsia, janganlah kamu berbisik untuk melakukan dosa, permusuhan dan derhaka kepada Rasul. Tetapi (sebaliknya) berbisiklah tentang perbuatan kebijakan dan takwa. Dan bertakwalah kepada Allah yang kepada Nya kamu akan dikumpulkan kembali (pada hari kiamat untuk dihitung amalan kamu dan menerima balasan)."

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Media sosial kini menjadi perantara komunikasi yang paling popular. Penguasaan kemahiran peranti digital membantu menyelesaikan sebahagian besar keperluan kehidupan dengan mudah dan pantas, bahkan boleh dianggap sebagai talian hayat untuk mencapai sesuatu tujuan. Namun, kemajuan komunikasi digital turut memberi kesan buruk kepada generasi dan ummah sekiranya gagal diuruskan dengan baik.

Berlaku dalam kalangan ummah, tanpa malu dan silu, menjadikan ruang sosial secara maya ini sebagai medan penyebaran bahan kandungan yang tidak baik. Ada sebahagiannya pula tanpa rasa bersalah menularkan berita-berita yang diragui kesahihannya sehingga menimbulkan fitnah dan sangkaan buruk. Allah SWT menegaskan bahawa perbuatan sedemikian sebagai pelaku dosa yang akan menerima balasan pada hari kiamat, berpandukan ayat yang khatib baca pada awal khutbah. Media sosial sepatutnya digunakan secara berhemah dan berakhlak agar manusia mendapat manfaat daripada kemudahan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT.

Jemaah yang dilimpahifadilat Ilahi

Seorang Muslim seharusnya menjaga adab dan tatasusila dalam apa jua bentuk perlakuan. Mimbar menyeru kepada seluruh Muslimin agar sentiasa mengamalkan akhlak dan adab seorang Muslim terutamanya ketika mengendalikan media sosial agar kita tidak terjerumus ke dalam golongan yang dimurkai Allah, bahkan lebih dahsyat lagi bakal dihumban ke dalam api neraka. Antara akhlak yang baik ketika menggunakan media sosial ialah:

Pertama: Mengutara pandangan dan bersuara mengikut adab dan syariat serta lunas undang-undang

Ramai dalam kalangan ummah terbabas ketika menyuarakan pendapat sehingga melanggar sempadan agama, institusi beraja, undang-undang negara dan kepekaan masyarakat. Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan memberi hak kebebasan bersyarat dalam mengemukakan pandangan dan saranan selagi tidak menyentuh isu-isu sensitif dan perkara-perkara yang boleh mengancam kepentingan keselamatan. Mengeluarkan kata-kata hinaan dan kritikan



yang tidak berasas, menyalahi adab dan akhlak yang ditetapkan oleh Islam. Nabi SAW mengingatkan bahawa orang yang beriman hendaklah mengeluarkan kata-kata baik, atau lebih baik diam daripada menuturkan perkataan buruk sekiranya tidak mampu berkata baik.

Kedua: Memastikan maklumat yang ditularkan adalah sahih

Orang beriman seharusnya berhati-hati dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau berita. Allah SWT menegaskan dalam surah Al-Isra' ayat 36 yang mafhumnya melarang kaum Muslimin mengikuti perkataan atau perbuatan yang tidak diketahui kebenarannya, demi mengelak berlakunya penyebaran berita palsu yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Bahkan, orang yang melakukannya dianggap sebagai pendusta seperti yang diperingatkan melalui sabda Nabi SAW:

كَفَىٰ بِالْمَرءِ كَذِبًا أَنْ يُجَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمَعَ

Bermaksud: "Cukuplah bagi seseorang itu dianggap berdusta apabila dia menceritakan apa sahaja yang didengarnya (tanpa tabayun)."

(Hadis Riwayat Muslim)

Ketiga: Memilih kandungan yang mendatangkan manfaat kepada diri dan orang lain.

Islam mendorong umatnya untuk sentiasa menyampaikan sesuatu yang bermanfaat. Hendaklah dijadikan pedoman hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesiapa yang dapat menunjukkan suatu kebaikan (kemudian diikuti dan dilakukan kebaikan tersebut oleh orang lain) maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya". Nabi SAW turut meninggalkan pesan, "Sesungguhnya orang yang dapat menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada orang lain, baginya pahala yang tidak putus walaupun telah meninggal dunia".



Keempat: Tidak membuka aib dan menjatuhkan maruah orang lain.

Setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Namun, ummah dinasihatkan agar tidak menjadikan kesalahan dan aib seseorang sebagai kandungan atau cerita yang dipilih untuk didedahkan kerana perbuatan menjatuhkan maruah, sangat tercela. Jika kita memiliki sesuatu bahan berkaitan perlakuan salah seseorang, cukup sekadar dijadikan bukti untuk diserahkan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan sewajarnya; tiada keperluan untuk kita pula mendedahkan sebagai tatapan umum. Nabi SAW mengingatkan bahawa sesiapa yang menutup aib seorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat.

Jemaah Rahimakumullah

Perkongsian dan kandungan yang tidak sesuai dan berbahaya akan dipantau dan dikawal di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (1998) yang memperuntukkan beberapa hukuman tertentu. Dan ingatlah, Allah SWT juga turut menyediakan balasan di akhirat bagi perlakuan buruk yang dilakukan. Mimbar menyeru ummah agar sentiasa bertanggungjawab terhadap kandungan yang dikongsi menerusi media sosial, antaranya:

Pertama: Hentikan sebarang bentuk penyebaran berita yang boleh menimbulkan fitnah dan sangkaan buruk agar kita tidak tergolong dalam kalangan mereka yang mendapat kecelakaan besar seperti yang digambarkan melalui ayat pertama surah al-Humazah yang bermaksud: "Celakalah bagi setiap pencaci dan pengeji"

Kedua: Jangan menjaja keburukan orang lain di media sosial kerana sesungguhnya al-Quran memperingatkan bahawa orang yang melakukan perkara sedemikian ibarat memakan daging saudaranya yang sudah mati dan akan diberikan balasan neraka walaupun mempunyai amalan solat malam, puasa sunat dan seumpamanya.



Ketiga: Jangan dibiarkan diri hanyut dan lalai melayani media sosial sehingga merugikan pahala kebaikan sebagai bekalan akhirat, disebabkan kurangnya waktu yang diperuntukkan untuk melakukan ibadah.

Keempat: Takutlah akan hari pembalasan apabila setiap anggota kita akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang telah kita lakukan ketika berada di dunia. Lidah yang berkata-kata dan tangan yang menulis cerita akan menjadi saksi di akhirat nanti.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأُفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْرَانَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal 'Alamin! Bimbing kami untuk mengguna dan memanfaatkan media sosial pada perkara yang mendatangkan faedah, sesuai dengan akhlak seorang Muslim.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Lindungi kami daripada menjadi mangsa akibat perbuatan jahat manusia yang menyalahgunakan media sosial.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.